

AL-KAFI #1287: SOLAT RAYA SEMULA SETELAH IMAM TERKURANG TAKBIR



SOALAN

Ketika solat hari raya pada rakaat yang kedua, imam hanya bertakbir sebanyak empat kali sahaja. Kemudian setelah solat, ada makmum yang menegur lalu didirikan semula solat hari raya buat kali kedua. Mohon pandangan dalam hal ini?

JAWAPAN

Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Illahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Umat Islam mempunyai dua hari raya yang disambut saban tahun, iaitu Aidilfitri dan Aidiladha. Kedua-dua hari raya ini disyariatkan kepada umat Islam untuk mendirikan solat sunat berdasarkan dalil yang dinyatakan di dalam al-Quran dan hadith. Firman Allah SWT:

???????? ?????????? ??????????

Maksudnya: Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).

(Surah al-Kauthar: 2)

Selain itu, hal ini turut disebutkan di dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA, bahawa beliau berkata:

????? ?????????? ?????????? ??? ????? ?????? ?????? ?????????????? ??????????
????????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????????????????? ?????????????????? ??????????
????????????????? ?????? ??????????????????????

Maksudnya: Bahawasanya Rasulullah SAW keluar pada Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha menuju ke tempat sembahyang, dan perkara pertama yang dilakukan oleh Baginda adalah solat (sunat hari raya).

Riwayat al-Bukhari (956)

Imam al-Nawawi menyatakan Solat sunat hari raya ini tidak pernah ditinggalkan oleh Rasulullah SAW dan umat Islam bersepakat akan pensyariatannya. Lihat **al-Minhaj** (1/310), **al-Majmu' Syarh al-Muhazzab** (5/5).

Solat sunat hari raya ini mempunyai kelainan dan kaifiat yang khusus yang tidak ada pada solat lain. Kelainan tersebut ialah bilangan takbir yang disunatkan pada rakaat pertama sebanyak tujuh kali dan pada rakaat kedua sebanyak lima kali. Hal ini seperti mana yang disebutkan di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh 'Amr Bin Shuaib, dari bapanya dari datuknya, bahawa:

??????? ?????????????????? ? ??? ???? ?????? ?????? ?????? ? ?????????????? ??? ??????????????
????????????????? ?????????????? ?????????????????????.

Maksudnya: Nabi SAW bertakbir pada solat hari raya sebanyak tujuh kali dan lima kali.

Riwayat Ibn Majah (1278)

Sekiranya dilihat isu ini menurut mazhab Imam al-Syafie yang dibincangkan oleh Syeikh Muhammad al-Zuhaili:

???? ???? ?????????????? ?? ?????????????? ?????????????????????? ?????????????? ??? ??????????????
???? ???? ?????????????????? ?????? ?????????????????????? ??? ?????????????????????? ??? ??????
????????????? ?????????????????????? ?? ?????? ?????? ?????????????????? ?????? ?????????????????????? ??????

????? ??? ??? ????? ??????? ??? ????? ?????????? ?????? ??????????????
??? ????? ????????? ?????? ??? ?????? ?????? ?????? ?????? ?? ??????
????????? ??? ??? ??? ?? ?????? ?????? ?? ?????? ?????? ?????????? ??? ???
?????? ?????

Maksudnya: Sekiranya imam atau seseorang individu itu terlupa takbir-takbir, kemudian ingat semula sebelum ruku', maka disyariatkan untuk membaca al-Quran selepas takbir-takbir itu, dan tidak perlu mengulanginya. Sekiranya imam meninggalkan takbir-takbir, maka makmum tidak perlu menambah, kerana **takbir-takbir itu bukanlah fardhu, malah bukan sunat yang dituntut, tetapi hanyalah sekadar sunat hai'ah** seperti membaca ta'awuz. Lihat **al-Mu'tamad** (1/553).

Kesimpulan

Berdasarkan nas dan hujah di atas, kami nyatakan bahawa **takbir sebanyak tujuh kali dan lima kali adalah sunat hai'ah sahaja** seperti yang disebutkan. Oleh itu, perbuatan meninggalkan sunat ini tidaklah membatalkan solat sehingga memerlukan solat diulang semula.

Kejadian ini juga mengandungi hikmah yang besar iaitu semua ahli masyarakat hendaklah menghadiri kelas-kelas pengajian ilmu supaya dapat terkeluar daripada kelompok kejahilan.

Source: FATWA TERKINI DARI PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN